



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL &
HAUL AL-SHEIKH ABDUL QADIR AL-JAILANI
SEMPENA
SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2017**

DI MASJID PUTRA, PUTRAJAYA

4 FEBRUARI 2017 (SABTU)

Bismillah Hirrahman Nirrahim...

Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis

(*Senarai salutasi akan diselaraskan kemudian*)

Para wakil media,

YBhg. Datuk-datuk, Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Marilah kita merafakkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. atas rahmat dan keizinanNya kita dapat bersama-sama berhimpun pada hari yang mulia ini bagi menjayakan Majlis Khatam Al-Quran bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 dan seterusnya Sambutan Maulidur Rasul anjuran Amanah Al Wariseen dan Darul Jailani International bagi tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.
2. Dengan kesempatan yang ini, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada semua peserta Khatam Al-Quran kerana telah berjaya menyelesaikan sesi bacaan Al-Quran sebentar tadi.

Hadirin Hadirat Sekalian,

3. Majlis Khatam Al-Quran ini merupakan kali yang kedua diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini. Saya menyambut baik usaha Kementerian Wilayah Persekutuan untuk meneruskan penganjuran program seperti ini demi memupuk kecintaan dan minat membaca Al-Quran yang juga merupakan salah satu usaha dalam menegakkan syiar Islam dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan.
4. Dari Nawwas Bin Sam'an r.a. telah berkata : Aku mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda : "Di hari akhirat kelak akan didatangkan al-Quran dan orang yang membaca dan mengamalkan isi kandungannya, didahului dengan Surah Al Baqarah dan Surah Ali-Imraan, kedua-dua surah ini menghujah (mempertahankan) orang yang membaca dan mengamalkannya". (Hadis Riwayat Muslim)

Peserta Majlis Khatam Al-Quran SHWP 2017

Hadirin hadirat sekalian,

5. Saya mendapat maklum, seramai 2000 orang peserta Khatam Al-Quran pada kali ini terdiri daripada 800 pelajar sekolah tafhib Al Wariseen, perwakilan penduduk, ahli Puspanita dan wakil komuniti dari setiap parlimen di Wilayah Persekutuan.
6. Alhamdulillah, hari ini secara rasminya kita semua telah pun berjaya menamatkan kesemua aktiviti yang dijalankan seperti Pendengaran Bacaan Al-Quran, Tadarus Al-Quran 30 juzuk, tazkirah dan khatam Al-Quran itu sendiri. Saya percaya, isi penting pengajuran majlis ini bukanlah sekadar untuk meraikan kejayaan dalam menamatkan pengajian membaca Al-Quran, tetapi mesej yang hendak disampaikan dan pengertiannya kepada kita. Penghayatan kepada makna ayat-ayat suci Al-Quran juga akan memberi kita inspirasi dan galakan untuk lebih berusaha mendekatkan diri kepada Ilahi dan menguasai segenap bidang ilmu pengetahuan.

Objektif Majlis Khatam Al-Quran

YBhg. Datuk-Datuk/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan

7. Majlis Khatam Al-Quran ini meletakkan objektif untuk melahirkan generasi soleh, pintar, rabbani dan murabbi. Pembinaan generasi bermakna seluruh tenaga diperlukan untuk mewujudkan persekitaran

yang kondusif untuk mendidik, mengajar, mengasuh, dan menggilap apa juga potensi yang ada pada diri anak-anak, sekaligus melengkapkan diri anak-anak dan diri kita sendiri dengan asas-asas Islam yang kukuh.

8. Modal insan cemerlang yang diperlukan oleh negara pada masa hadapan ialah mereka yang mempunyai pengetahuan yang tinggi, berpegang teguh kepada agama, berkemahiran, inovatif, memiliki jati diri, beretika serta mempunyai minda kelas pertama. Mereka ini bukan sahaja penting kepada pembangunan negara, malah memainkan peranan yang penting bagi menjamin kesejahteraan dan perpaduan rakyat serta meningkatkan daya saing negara di peringkat global.

Cabaran umat Islam pada hari ini

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Walau bagimanapun, cabaran umat islam pada hari ini sememangnya berdepan dengan pelbagai cabaran dan penindasan. Dari aspek keselamatan, kita diuji dengan keangkuhan musuh-musuh Islam untuk menindas serta melemahkan kekuatan yang ada pada umat Islam di serata dunia seperti apa yang berlaku di Rohingya, Aleppo dan Syria. Dan walau di mana sekalipun umat Islam berada, perkara utama yang harus diberikan perhatian ialah perpaduan bagi menghadapi musuh-musuh. Seperti kata Profesor Muhammed Eissa dalam khutbahnya di Chicago: "Kuasa kita pada masa kini ialah perpaduan. Tuhan akan

memberi lebih anugerah kepada kita apabila kita memohon kepada-Nya secara berjemaah". Oleh itu, bersatulah umat Islam!

10. Jadi, satu-satunya cara untuk menuju membentuk perpaduan dan kesatuan, maka hendaklah kita sama-sama kembali mengikuti seluruh petunjuk junjungan besar kita Muhamad SAW, di dalam membaca Al-Quran, memahaminya dan yang terpenting adalah mengamalkannya dalam kehidupan seharian kita.
11. Ini merupakan suatu anugerah dan nikmat Allah Subhanahu Wataala yang amat jelas menunjukkan kepada kita bahawa dengan berpegang kepada Al-Quran mampu mengangkat martabat manusia ke mercu kegemilangan sekiranya dihayati dan diamalkan secara bersungguh-sungguh maknka tafsirannya.
12. Hakikatnya, bukan mudah untuk membina insan yang cemerlang yang sekaligus melahirkan ummah yang terbilang. Peringatan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bermaksud: "Bahawa Allah mencintai seseorang yang apabila ia mengerjakan sesuatu kerja, ia laksanakan dengan cemerlang" (Riwayat al-Baihaqi)
13. Hadis ini menekankan supaya apabila kita melakukan sesuatu pekerjaan hendaklah dilakukan dengan penuh ketekunan. Pesanan ini perlu dijadikan pegangan dan penyuntik semangat supaya matlamat untuk melahirkan 'khaira ummah' di Wilayah Persekutuan dapat direalisasikan.

14. Alhamdulillah Majlis Khatam Al-Quran kita pada kali ini akan diserikan lagi dengan Sambutan Maulidur Rasul dan Haul Al Sheikh Abdul Qader Al-Jailani. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Amanah Al-Wariseen yang bekerjasama dengan Kementerian bagi menjayakan penganjuran majlis pada hari ini. Kementerian berkongsi kos penganjuran bersama Amanah Al-Wariseen sekaligus dapat menjimatkan kos kedua-dua belah pihak dalam penganjuran majlis yang besar seperti ini.
15. Antara pengisian majlis pada petang ini akan diadakan sesi ceramah bersama tokoh-tokoh agama terkenal dunia seperti Al-Sheikh Al-Sayyid Afeefuddin Al-Jailani dan Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan, Al-Habib Ali Zaenal Abidin AlHamid, Al-Habib Umar bin Hamid Al-Jailani dari Mekah, Al-Sheikh Dr. Mohamed Ibrahim Abdul Baith dari Egypt dan ramai lagi. Oleh itu, diharap tuan-puan akan terus berada di majlis ini untuk bersama-sama menjayakan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.
16. Allah SWT berfirman di dalam Surah al-Hajj ayat 32 yang bermaksud: “Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang memuliakan Syiar-syiar Allah, sesungguhnya ia adalah suatu manifestasi daripada hati-hati yang bertaqwa kepada Allah.”
17. Secara jelas Al Quran telah mendidik kita agar sentiasa meninggikan Syiar Islam antaranya dengan memuliakan Rasulullah SAW melalui ucapan selawat dan menghidupkan sunnah-sunnah Baginda. Oleh itu, perjuangan memperteguhkan Iman dan syariat Islam yang dibawa

Baginda perlu menjadi agenda utama dalam kehidupan sehari-hari kita untuk mencapai keberhasilan taqwa. Marilah sama-sama kita hayati sambutan Maulidur Rasul yang dianjurkan ini agar rasa kasih dan cintakan Nabi Muhammad SAW akan terus bercambah dalam hati kita.

Tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017

YBhg. Datuk-Datuk/Datin-Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan

18. Tema bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini, Kementerian Wilayah Persekutuan meneruskan seperti pada tahun lepas iaitu ‘Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera’. Saya yakin bahawa tema ini bertepatan dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan yang ingin menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria, kondusif dan sejahtera. Sebanyak 45 program telah disusun sepanjang tahun Februari ini yang pastinya memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, ramaja, belia dan juga dewasa.
19. Harapan saya agar program-program Hari Wilayah Persekutuan ini dapat menambahkan rasa sayang dan cintakan Wilayah Persekutuan dalam usaha untuk mengekalkan keharmonian serta perpaduan rakyat demi kesejahteraan bersama.
20. Sesungguhnya kemampuan dan kejayaan kita menganjurkan majlis ini membuktikan bahawa nikmat keamanan dan kemakmuran sentiasa

dilimpahi oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Negara kita Malaysia yang dicintai. Ini adalah berkat kepimpinan negara yang berwawasan dan sentiasa mendaulatkan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Diharapkan Majlis seperti ini dapat diteruskan lagi demi mengeratkan ukhuwah sesama kita dengan perasaan kasih sayang dan persaudaraan yang teguh dalam diri setiap individu kerana Al-Quran mengajak manusia supaya bersatupadu, berkeluarga dan mengukuhkan hubungan silaturrahim.

21. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah menyumbangkan tenaga dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan Majlis Khatam Al-Quran Sempena Sambutan Hari Wilayah 2017 terutamanya kepada penggerak utama Majlis ini iaitu Amanah Al Wariseen, Darul Jailani International, urus setia Kementerian Wilayah Persekutuan serta pengurusan Masjid Putra, Putrajaya.
22. Juga kepada peserta-peserta yang bersemangat untuk menyertai program ini, semoga dengan semangat infak serta jariah ini kita dapat meneruskan program seperti ini bukan sahaja pada Hari Wilayah Persekutuan tetapi pada setiap masa kelapangan yang ada bagi mengimarahkan program-program di masjid.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**